


HAL EHWAL AKADEMIK



ACADEMIC AFFAIRS





HAL EHWAL AKADEMIK

ACADEMIC AFFAIRS

PROGRAM PENGAJIAN

KUKUM menawarkan 10 program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dan 11 program Sarjana Sains Kejuruteraan dan Doktor Falsafah. Kesemua program mempunyai matlamat untuk menghasilkan graduan kejuruteraan yang berketrampilan dalam pelbagai bidang strategik yang berupaya mencari penyelesaian kepada pelbagai bentuk masalah menerusi pemikiran yang inovatif. Program kejuruteraan yang dijalankan di Universiti ini menitikberatkan kepada kaedah 'practical-oriented' iaitu lebih penekanan diberikan kepada aspek amali, dan kursus-kursusnya menyatukan teori dengan amali mengikut keperluan industri. Kurikulum semua program sentiasa dihalusi secara berterusan dengan :

- » Mengambil kira pandangan, kesimpulan hasil kajian serta maklumbalas dari masyarakat khususnya industri.
- » Memenuhi kehendak badan-badan penasihat profesional seperti Institut Jurutera Malaysia dan Lembaga Jurutera Malaysia.
- » Memastikan keseimbangan kepakaran teori dengan kemahiran amali.
- » Mengadakan kaji semula kandungan kursus setiap semester dan kaji semula kandungan kurikulum sekurang-kurangnya sekali dalam empat tahun.

Semua program akademik di KUKUM mendukung objektif-objektif berikut :

- » Mengeluarkan jurutera yang kompeten dalam aspek teori dan juga praktikal agar dapat melaksanakan tugas-tugas kejuruteraan yang berkaitan seperti penyelidikan & pembangunan, rekabentuk, pengeluaran, pembinaan, penyelenggaraan, penjualan, dan pengurusan. Tugas-tugas ini seharusnya dapat dilakukan dalam kapasiti seperti kakitangan organisasi ataupun sebagai usahawan;
- » Menyumbang kepada bekalan tenaga manusia mahir untuk menyokong keperluan Pelan Induk Perindustrian Negara;
- » Menyumbang melalui penyelidikan, perundingan dan pengajaran kepada pembangunan negara, khususnya masyarakat setempat;
- » Membentuk pelajar agar dapat mempunyai sifat patriotik dan jatidiri yang tinggi dan terpuji.

Program-program pengajian tersebut adalah seperti berikut : / The educational programmes are as follows:

PUSAT PENGAJIAN / SCHOOL	PROGRAM PENGAJIAN / STUDIES PROGRAMMES
1. Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan / School of Computer and Communication Engineering	1. Kejuruteraan Komputer / Computer Engineering 2. Kejuruteraan Perhubungan / Communication Engineering
2. Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik / School of Microelectronic Engineering	1. Kejuruteraan Mikroelektronik / Microelectronic Engineering 2. Kejuruteraan Elektronik / Electronic Engineering
3. Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan / School of Materials Engineering	1. Kejuruteraan Bahan / Materials Engineering 2. Kejuruteraan Metalurgi / Metallurgical Engineering
4. Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik / School of Electrical Systems Engineering	1. Kejuruteraan Sistem Elektrik / Electrical Systems Engineering 2. Kejuruteraan Elektronik Industri / Electronic Industry Engineering
5. Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik / School of Mechatronic Engineering	1. Kejuruteraan Mekatronik / Mechatronic Engineering
6. Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan / School of Manufacturing Engineering	1. Kejuruteraan Pembuatan / Manufacturing Engineering

EDUCATIONAL PROGRAMS

KUKUM offers 10 programmes for the Bachelor of Engineering and 11 programs for the Master of Science (Engineering) and Doctor of Philosophy. The objective of the programs is to produce competent engineering graduates in different strategic areas who are able to create solutions to the many different problems through innovative thinking. The engineering programme that has been operating in the University emphasizes the 'practical-oriented' approach which is stressing more to the practical aspects where it's courses are combined between theory and practical by following the industry's need. The curriculums for all programmes are always continuously revised by :

- » Taking care of the opinions, conclusions of research outcomes and feedback from the people especially the industries.
- » Fulfilling wishes of professional advisers bodies such as Malaysia's Institute of Engineers and Malaysia's Board of Engineers.
- » Ascertaining a balance between the theoretical expertise and practical skills.
- » Organizing the course contents revision for every semester and the curriculum contents revision for at least once in four years.

All the academic programmes in KUKUM espouse these objectives:

- » To produce the competent engineers in theory or practical aspects so that they can execute the related engineering jobs such as research and development, design, producing, constructing, execution, selling, and management. These jobs should be carried out in the capacity as an organization employee or an entrepreneur.
- » To contribute towards the skilled labour supply in supporting the needs of the National Industrialization Main Plan.
- » To contribute through research, teaching and negotiation towards the country's development, especially the local people.
- » Forming the students to be more patriotic and have higher and admirable self reliance.

HAL EHWAL AKADEMIK

ACADEMIC AFFAIRS

PUSAT AKADEMIK DAN PEMANTAPAN AKADEMIK

Selain daripada pusat-pusat pengajian yang menawarkan subjek-subjek wajib yang perlu diambil oleh semua pelajar, terdapat beberapa buah pusat pemantapan akademik yang bertujuan menyokong kepentingan akademik KUKUM.

Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan

Pusat Kemahiran Komunikasi & Keusahawanan (PKKK) adalah sebuah pusat perkhidmatan akademik. Ia tidak menawarkan apa-apa program akademik yang membawa kepada penganugerahan ijazah. Sebaliknya, ia menawarkan kursus-kursus keperluan universiti yang wajib diambil oleh semua pelajar tanpa mengira program akademik yang diambilnya. Selain itu, PKKK turut menawarkan kursus teras seperti Matematik Kejuruteraan I, II & III serta Kemahiran Komunikasi & Teknologi Maklumat.

Pusat Kerjasama Industri

Pusat Kerjasama Industri berperanan menjalin hubungan dengan pihak industri daripada pelbagai aspek, terutama di dalam program-program yang berkaitan terus dengan pembelajaran pelajar. Program seperti program pendedahan kepada Industri (InDex), Forum Bersama Industri, Latihan Perindustrian Kakitangan dan lain-lain lagi diselaja dan diselaraskan oleh pusat ini. Seseengah dari program ini wajib diikuti oleh semua pelajar. Maklumat mengenai program-program ini dihebahkan kepada pelajar dari semasa ke semasa.

Pusat Kejuruteraan

Pusat Kejuruteraan ditubuhkan bagi mengendalikan makmal dan bengkel umum (gunasama) yang diperlukan oleh pelbagai program yang ditawarkan oleh KUKUM. Oleh kerana program-program kejuruteraan yang dijalankan pada dasarnya menitikberatkan kepada kaedah 'lab intensive', maka penekanan yang lebih harus diberikan kepada amalan praktikal. Di samping itu, Pusat Kejuruteraan juga menyokong aktiviti-aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) di KUKUM. Antara makmal yang terdapat di sini termasuklah Makmal PCB, Makmal Teknologi Mikropemprosesan, Makmal Asas Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Pusat CAD/CAM, Bengkel Kejuruteraan Elektrik, Bengkel Kejuruteraan Mekanikal, Makmal kejuruteraan Pembuatan, Pusat Pengajaran Fabrikasi IC, dan Makmal ICT. Pusat Kejuruteraan juga menawarkan kursus Kemahiran Kejuruteraan yang wajib diambil oleh semua pelajar.

ACADEMIC CENTRE AND ACADEMIC SUPPORT

Besides the schools that offer compulsory subjects which have to be taken by all students, there are a few supporting centres that have been purposely established to support the KUKUM's academic importance.

Centre of Communication and Entrepreneurship skills

The Centre of Communication and Entrepreneurship Skills is the centre of academic service. It does not offer any academic programmes that grant the degree conferment. Conversely, it offers university requirement courses that are compulsory for all students to take regardless of their academic programmes. Besides, this centre also offers the core courses such as Engineering Mathematics I, II, and III including Communication skills and Information Technology.

Centre of Industrial Collaboration (CIC)

The Centre of Industrial Collaboration plays an important role in building the relationships with the industry sector in various aspects especially that pertaining to the student's learning. The Programmes which are supervised and monitored by this centre includes Industry Exposure (InDex), Forum with Industry Sector, Staff Industrial Training and others. Half of the programmes are compulsory for all students and information of the programmes are spread to the students from time to time.

Engineering Centre

The Engineering Centre has been set up to operate the laboratory and public workshops for diverse programmes that offered by KUKUM. Because of the engineering programmes carried out have basically emphasized more on the 'lab intensive' method, so more stress should be given to the practical practice. Besides that, this centre also supports the Research & Development (R&D) activities in KUKUM. Among the laboratories available here are PCB Laboratory, Microprocessor Technology Laboratory, Principle of Electric and Electronic Engineering Laboratory, CAD/CAM Centre, Electronic Engineering Workshop, Mechanical Engineering Workshop, Manufacturing Engineering Laboratory, IC Fabrication Teaching Centre and ICT Laboratory. This centre also offers the Engineering Skills Course which is compulsory for all students.



HAL EHWAL AKADEMIK

ACADEMIC AFFAIRS

CIRI-CIRI GRADUAN KUKUM

Ciri-ciri Graduan KUKUM dibincangkan dengan panjang lebar dalam beberapa mesyuarat Majlis Pengurusan Akademik dan akhirnya dipersetujui yang graduan KUKUM adalah jurutera-jurutera yang berasaskan praktikal.

- » berkebolehan mengaplikasikan ilmu asas bidang sains dan kejuruteraan
- » mempunyai kompetensi teknikal yang mendalam dalam disiplin kejuruteraan khusus yang diikutinya
- » berkebolehan berkomunikasi dan menggunakan ICT dengan berkesan
- » berkebolehan menggunakan teknik, kemahiran dan alat-alat kejuruteraan moden yang diperlukan dalam tugas-tugas kejuruteraan
- » dapat menyesuaikan diri dengan mudah untuk memenuhi kehendak industri
- » berupaya mengenalpasti masalah, mencari jalan penyelesaian, menginovasi dan menambahbaik rekabentuk serta amalan sedia ada
- » memahami tentang tanggungjawab profesional, etika dan komitmen kemasyarakatan
- » memahami tentang keperluan pembelajaran sepanjang hayat, serta kebolehan melaksanakannya (iaitu dapat menyesuaikan diri kepada keadaan dan kehendak semasa dengan mengaplikasi dan/atau mengemaskini ilmu dan kemahiran yang dimiliki)
- » berkebolehan bekerja dengan berkesan dalam pasukan sehingga dapat menyumbang kepada hubungan kerja yang efektif serta pencapaian matlamat pasukan. Ini dilakukan dalam kapasiti sebagai ketua pasukan dan juga ahli pasukan
- » mempunyai pandangan dan pemikiran yang global dalam soal sosial, budaya dan tanggungjawab antarabangsa
- » mempunyai pemahaman tentang keusahawanan dan proses-proses inovasi, serta keperluan untuk merealisasikan pembangunan mampan
- » berkebolehan menghargai nilai estetik melalui pembangunan dan aplikasi budibicara

CHARACTERISTICS OF KUKUM GRADUATES

The characteristics of TUC graduates were discussed at length during the numerous TUC Academic Management Council meetings. It was finally agreed that TUC graduates are practical-oriented engineers who have:

- » acquired the ability to apply knowledge of basic science and engineering
- » in-depth technical competency in a specific engineering discipline
- » the ability to communicate effectively and use ICT effectively
- » the ability to use techniques, skills, and modern engineering tools necessary for engineering practice so as to be easily adaptable to industrial needs
- » the ability to identify problems, create solutions, innovate and improve current designs and practices
- » an understanding of professional and ethical responsibilities, and have a high commitment to the community
- » a recognition of the need for, and an ability to engage in, life long learning. In other words, the graduates can adapt to new situations and demands by applying and/or updating their knowledge and skills appropriately
- » the ability to function and contribute effectively in teams both as a leader as well as an effective team player
- » an international perspective on social, cultural, and global responsibilities
- » an in-depth appreciation and understanding of entrepreneurship, the process of innovation, and the need for sustainable development
- » the ability to appreciate aesthetic values through development and application of personal judgment



HAL EHWAL AKADEMIK - MAKMAL & DEWAN KULIAH

ACADEMIC AFFAIRS - LAB. & LECTURE HALLS

KOD / CODE	KAP. / CAP.	NAMA / NAME	LOKASI / LOCATION
DKG1	100	Bilik Pok & Kassim / Pok & Kassim Room	Kampus Kubang Gajah
DKG2	150	Bilik Kuliah 2 / Lecture Room 2	Kampus Kubang Gajah
DKG3	150	Bilik Kuliah 3 / Lecture Room 3	Kampus Kubang Gajah
DKG4	200	Bilik Kuliah 4 / Lecture Room 4	Kampus Kubang Gajah
DKG5	200	Bilik Kuliah 5 / Lecture Room 5	Kampus Kubang Gajah
DKP1	200	Bilik Kuliah Automart 1 / Automart Lecture Room 1	Kuala Perlis
DKP21	200	Bilik Kuliah Automart 2 / Automart Lecture Room 2	Kuala Perlis
DKP3	250	Bilik Kuliah Automart 3 / Automart Lecture Room 3	Kuala Perlis
BKP	70	Bilik Kuliah Rumah Kedai Kuala Perlis / Kuala Perlis Shop Houses Lecture Room	Kuala Perlis
BKY	70	Bilik Kuliah Makmal Kejuruteraan / Engineering Lab. Lecture Room	Kampung Wai
DKW1	100	Dewan Keikhlasan / Keikhlasan Hall	Bangunan KWSP
DKW2	70	Dewan Ilmu / Ilmu Hall	Bangunan KWSP
MBG1	35	Makmal Bahan 1 / Material Lab. 1	Kubang Gajah
MBG2	35	Makmal Bahan 2 / Material Lab. 2	Kubang Gajah
MBG3	35	Makmal Bahan 3 / Material Lab. 3	Kubang Gajah
MBG4	35	Makmal Bahan 4 / Material Lab. 4	Kubang Gajah
MCK		Makmal Lukisan Kejuruteraan / Engineering Drawing Lab.	KIK
MCP1		Makmal Komputer CAD/CAM 1 / CAD/CAM Computer Lab. 1	Kuala Perlis
MCP2		Makmal Komputer CAD/CAM 2 / CAD/CAM Computer Lab. 2	Kuala Perlis
MCP3	60	Makmal Teknologi Mikro-p 1 / Micro-p1 Technology Lab.	Kuala Perlis
MCP4	60	Makmal Teknologi Mikro-p 2 / Micro-p2 Technology Lab.	Kuala Perlis
MEY1	70	Makmal Teknologi Elektrik / Electrical Technology Lab.	Kampung Wai
MEY2	35	Makmal Asas Sistem Kuasa / Basic Power System Lab.	Kampung Wai
MEY3	35	Makmal Elektronik Kuasa / Power Electronic Lab.	Kampung Wai
MEY4	35	Makmal Analisis & Kawalan Kuasa / Analysis & Power Control Lab	Kampung Wai
MKG1	64	Makmal Komputer 1 / Computer Lab. 1	Kubang Gajah
MKG2		Makmal Asas Kejuruteraan E&E A / Basic Engineering E&E Lab. A	Kubang Gajah
MKG3		Makmal Asas Kejuruteraan E&E B / Basic Engineering E&E Lab. B	Kubang Gajah
MKW1	66	Makmal Komputer Mikro-p / Micro-p Computer Lab	Bangunan KWSP
MKW2		Makmal Komputer Rekabentuk / Computer Design Lab.	Bangunan KWSP
MKW3		Makmal Bahasa / Language Lab	Bangunan KWSP
MKY1	60	Makmal Komputer Kampung Wai 1 / Kampung Wai Computer Lab. 1	Kampung Wai
MKY2	60	Makmal Komputer Kampung Wai 2 / Kampung Wai Computer Lab. 2	Kampung Wai
MKY3	60	Makmal Komputer Kampung Wai 3 / Kampung Wai Computer Lab. 3	Kampung Wai
MKY4	60	Makmal Komputer Kampung Wai 4 / Kampung Wai Computer Lab. 4	Kampung Wai
MKY5	60	Makmal Komputer Kampung Wai 5 / Kampung Wai Computer Lab. 5	Kampung Wai
MKY6	60	Makmal Perhubungan 1 / Communication Lab. 1	Kampung Wai
MKY7	60	Makmal Perhubungan 2 / Communication Lab. 2	Kampung Wai
MKY8	60	Makmal Elektronik Termaju / Advanced Electronic Lab. 1	Kampung Wai
MMP1	10	Makmal Fizik Semikonduktor / Physic Semiconductor Lab. 1	SMI
MMP2	35	Makmal "Failure Analysis" / Failure Analysis Lab.	SMI
MMP3	12	Bilik Bersih / Clean Room	SMI
MNY1		Makmal Kawalan 1 / Control Lab. 1	Kampung Wai
MNY2		Makmal Kawalan 2 / Control Lab. 2	Kampung Wai
MNY3		Makmal Dinamik 1 / Dynamic Lab. 1	Kampung Wai
MNY4		Makmal Dinamik 2 / Dynamic Lab. 2	Kampung Wai
MNY5		Makmal Mekatronik / Mechatronic Lab.	Kampung Wai
MPP1		Makmal Rekabentuk / Design Lab.	SMI
MPP2		Kilang Mengajar / Teaching Factory	SMI
MPY1	60	Makmal Kejuruteraan / Engineering Lab.	Kampung Wai
MPY2	35	Makmal Termodinamik / Thermodynamic Lab.	Kampung Wai
MPY3	35	Makmal Bendalir / Liquid Lab.	Kampung Wai
MPY4	35	Makmal Kawalan Proses / Process Control Lab.	Kampung Wai
MPY5	35	Makmal Instrumentasi / Instrumentation Lab.	Kampung Wai
MUW1-4		Makmal Komputer PPKK 1-4 / PPKK Computer Lab. 1-4	KIK




HAL EHWAL AKADEMIK - ENROLMEN PELAJAR

ACADEMIC AFFAIRS - STUDENTS ENROLMENT

Statistik bilangan pelajar mengikut program pengajian / Statistics of the amount of students per studies programme

PROGRAM PENGAJIAN / STUDIES PROGRAMME	Semester Pengambilan / Intake Semester				Jumlah / Total
	2002-S1	2003-S1	2003-S2	2004-S1	
1. Kejuruteraan Elektronik / Electronic Engineering		46	14	63	123
2. Kejuruteraan Mikroelektronik / Microelectronic Engineering	60	45	9	56	170
3. Kejuruteraan Bahan / Materials Engineering		42	14	66	122
4. Kejuruteraan Pembuatan / Manufacturing Engineering		50	12	52	114
5. Kejuruteraan Komputer / Computer Engineering	49	46	6	63	164
6. Kejuruteraan Mekanik / Mechatronic Engineering		56	8	66	130
7. Kejuruteraan Elektronik Industri / Electronic Industry Engineering		49	6	57	112
8. Kejuruteraan Perhubungan / Communication Engineering		53	8	56	117
9. Kejuruteraan Sistem Elektrik / Electrical Systems Engineering		48	13	55	116
10. Kejuruteraan Metalurgi / Metallurgical Engineering		42	9	52	103
Jumlah Keseluruhan / Total Overall	109	477	99	586	1271

Graf bilangan pelajar mengikut program pengajian sesi 2004/2005 / Graph for the amount of students per studies programme for the 2004/2005 session



- | | |
|---|---|
| 1. Kejuruteraan Elektronik / Electronic Engineering | 6. Kejuruteraan Mekanik / Mechatronic Engineering |
| 2. Kejuruteraan Mikroelektronik / Microelectronic Engineering | 7. Kejuruteraan Elektronik Industri / Electronic Industry Engineering |
| 3. Kejuruteraan Bahan / Materials Engineering | 8. Kejuruteraan Perhubungan / Communication Engineering |
| 4. Kejuruteraan Pembuatan / Manufacturing Engineering | 9. Kejuruteraan Sistem Elektrik / Electrical Systems Engineering |
| 5. Kejuruteraan Komputer / Computer Engineering | 10. Kejuruteraan Metalurgi / Metallurgical Engineering |

HAL EHWAL AKADEMIK - ENROLMEN PELAJAR



ACADEMIC AFFAIRS - STUDENTS ENROLMENT

Bilangan pelajar mengikut Semester Pengambilan, Status dan Jantina /
The amount of students per semester intake, status and gender

STATUS JANTINA / GENDER STATUS	Semester Pengambilan / Intake Semester				Jumlah
	2002-S1	2003-S1	2003-S2	2004-S1	
1. Lelaki / Man	54	296	68	383	801
2. Perempuan / Women	55	181	31	203	470
Jumlah Keseluruhan / Total Overall	109	477	99	586	1271

Bilangan pelajar mengikut Semester Pengambilan dan Kaum /
The amount of students per semester intake and race

STATUS KAUM / RACE STATUS	Semester Pengambilan / Intake Semester				Jumlah
	2002-S1	2003-S1	2003-S2	2004-S1	
1. Bumiputra	103	403	81	475	1062
2. Cina / Chinese	3	59	16	71	149
3. India / Indian	3	13	1	40	57
4. Lain-lain / Others		2	1	3	3
Jumlah Keseluruhan / Total Overall	109	477	99	586	1271





HAL. EHWAL. AKADEMIK - PENGAJIAN IJAZAH TINGGI

ACADEMIC AFFAIRS - POSTGRADUATE STUDIES

PENGENALAN

Pejabat Pengajian Ijazah Tinggi Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) ditubuhkan bagi mengurus dan menyelaras proses kemasukan pelajar pengajian ijazah tinggi yang terdiri daripada pelajar Sarjana Sains (Penyelidikan) dan Doktor Falsafah. Pejabat ini juga bertanggungjawab dalam meningkatkan pengambilan pelajar ijazah tinggi melalui promosi dan publisiti tentang peluang pengajian ijazah tinggi. Sebagai pusat dalam pengajian ijazah tinggi, pejabat ini memantau pelaksanaan dasar dan peraturan program ijazah tinggi supaya selari dengan sistem pendidikan terkini yang sentiasa berubah. Tambahan pula, pengurusan dan pentadbiran Pengajian Ijazah Tinggi yang berkembang menuntut supaya dasar-dasar dan peraturan tertentu digubal untuk kelancaran proses pentadbiran.

KUKUM menerima kelompok pertama pelajar pengajian ijazah tinggi pada bulan Jun 2004 bagi sesi akademik 2004/2005. Pengajian Ijazah Tinggi KUKUM mengamalkan sistem pengambilan dan pendaftaran sepanjang tahun yang mana pelajar boleh memohon dan mendaftar sepanjang tahun. Sehingga akhir tahun 2004, Pengajian Ijazah Tinggi telah membuat tiga (3) kali pengambilan pelajar iaitu pada bulan Jun, September dan Disember 2004 dengan jumlah pelajar seramai 20. Sehingga akhir tahun 2004, KUKUM menawarkan sebelas (11) program ijazah tinggi yang meliputi:

1. Doktor Falsafah
2. Sarjana Sains (Kejuruteraan Bahan)
3. Sarjana Sains (Kejuruteraan Metalurgi)
4. Sarjana Sains (Kejuruteraan Komputer)
5. Sarjana Sains (Kejuruteraan Perhubungan)
6. Sarjana Sains (Kejuruteraan Sistem Elektrik)
7. Sarjana Sains (Kejuruteraan Elektronik Industri)
8. Sarjana Sains (Kejuruteraan Mikroelektronik)
9. Sarjana Sains (Kejuruteraan Elektronik)
10. Sarjana Sains (Kejuruteraan Pembuatan)
11. Sarjana Sains (Kejuruteraan Mekatronik)

INTRODUCTION

The Postgraduate Studies Office in the Northern Malaysia University College of Engineering (KUKUM) is established to manage and coordinate the admission process for the postgraduate studies which comprises the Master of Science (Research) and Doctor of Philosophy (PhD) students. It is also responsible in increasing the intake of the postgraduate studies students through promotion and publicity about the studies' opportunity. As a centre of postgraduate studies, the office monitors the implementing basis and the postgraduate programme's rules so that they will be in line with nowadays education system which is always changing. Moreover, the expanding management and administration of the postgraduate studies demands that certain policies and rules are drafted for a smooth administration process.


KUKUM received the first group of postgraduate studies's students on June 2004 for 2004/2005 academic session. KUKUM's Postgraduate Study practices the whole year intake and registration system where students can apply and register for the whole year. Until the end of year 2004, the the Postgraduate Study has made three times student intake in June, September and December 2004 with a total 20 students. Up to the end of year 2004 also, KUKUM offers 11 postgraduate programmes which comprise:

1. Doctor of Philosophy (PhD)
2. Master of Science (Materials Engineering)
3. Master of Science (Metallurgical Engineering)
4. Master of Science (Computer Engineering)
5. Master of Science (Communication Engineering)
6. Master of Science (Electrical Systems Engineering)
7. Master of Science (Electronic Industry Engineering)
8. Master of Science (Microelectronic Engineering)
9. Master of Science (Electronic Engineering)
10. Master of Science (Manufacturing Engineering)
11. Master of Science (Mechatronic Engineering)


Bidang penyelidikan yang ditawarkan di KUKUM adalah mengikut Pusat Pengajian yang sedia ada
Research area that is offered in KUKUM is based on the existing schools::

Pusat Pengajian / Schools	Bidang Penyelidikan / Research Fields
Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan / Computer & Communication Engineering	Kejuruteraan Komputer / Manufacturing Engineering Engineering Kejuruteraan Perhubungan / Communication Engineering
Kejuruteraan Mikroelektronik / Microelectronic Engineering	Kejuruteraan Mikroelektronik / Microelectronic Engineering Kejuruteraan Elektronik / Electronic Engineering
Kejuruteraan Bahan / Materials Engineering	Kejuruteraan Bahan / Materials Engineering Kejuruteraan Metalurgi / Metallurgical Engineering
Kejuruteraan Sistem Elektrik / Electrical Systems Engineering	Kejuruteraan Sistem Elektrik / Electrical Systems Engineering Kejuruteraan Elektronik Industri / Electronic Industry Engineering
Kejuruteraan Mekatronik / Mechatronic Engineering	Kejuruteraan Mekatronik / Mechatronic Engineering
Kejuruteraan Pembuatan / Manufacturing Engineering	Kejuruteraan Pembuatan / Manufacturing Engineering

Enrolmen pelajar ijazah tinggi sehingga Disember 2004 adalah seperti di bawah : / Enrolment of post graduate students until December 2004 is as below:



Enrolmen pelajar ijazah tinggi mengikut bidang penyelidikan adalah seperti di bawah : / Enrolment of post graduate students per research area is as below:



1. Kejuruteraan Komputer / Manufacturing Engineering Engineering
2. Kejuruteraan Perhubungan / Communication Engineering
3. Kejuruteraan Bahan / Materials Engineering
4. Kejuruteraan Sistem Elektrik / Electrical Systems Engineering
5. Kejuruteraan Metalurgi / Metallurgical Engineering

6. Kejuruteraan Elektronik Industri / Electronic Industry Engineering
7. Kejuruteraan Mikroelektronik / Microelectronic Engineering
8. Kejuruteraan Elektronik / Electronic Engineering
9. Kejuruteraan Pembuatan / Manufacturing Engineering
10. Kejuruteraan Mekanik / Mechatronic Engineering

Pengajian Ijazah Tinggi mensasarkan enrolmen pelajar sepanjang sesi akademik 2004/2005 bagi program Sarjana Sains akan mencecah 35 orang pelajar dan program Doktor Falsafah akan mencapai 7 orang pelajar.

The Postgraduate Study is targetting the students' enrolment for the Master of Science programmes for 2004/2005 academic session will reach 35 students and the Doctor of Philosophy (PhD) programmes will reach 7 students.



HAL EHWAL AKADEMIK - PENGANTARABANGSAAN

ACADEMIC AFFAIRS - INTERNATIONALISATION

LAWATAN KE LUAR NEGARA TAHUN 2004

- » **20-26 Januari**
Seminar Promosi Pendidikan Malaysia di Dubai, UAE dan Muscat, Oman.
- » **28-30 Januari**
Pembentangan kertas kerja bertajuk "Artificial Life and Robotics" (AROB 2004) oleh Prof. Madya Dr. Mohd. Rizon Muhammad Juhari di Oita, Jepun
- » **19-21 Febuari**
Lawatan kerja oleh Encik Khairul Nizar Ismail ke Regional Research Laboratory & Indian Institute of Mineral Engineers, Bhubaneswar, India.
- » **10-11 Mac**
Prof. Madya Dr. Zuraidah Mohd. Zain dijemput sebagai penceramah oleh Asian Institute of Technology, Bangkok bagi tajuk 'Quality Management in Education and Quality Management Tools and Techniques' dan 'Improving Student Performance Using Quality Tools'
- » **29 Mac-3 April**
Lawatan ke lima buah universiti di Sumatera, Indonesia: Fakultas Teknik, Universitas Islam Utara Sumatera, Medan, Fakultas Teknik Universitas Andalas, Fakultas Teknik Universitas Sriwijaya, Palembang, Dan Fakultas Teknik Universitas Riau, Pekan Baru.
- » **17-23 April**
Encik Khairul Nizar Ismail, Pengerusi Rancangan PPK. Bahan menghadiri "Training Course of Scanning Electron Microscope" oleh JEOL LTD di Tokyo, Jepun.
- » **17-24 April**
Seramai 3 orang staf dari PPK. Mikroelektronik yang terdiri daripada pensyarah, PLV dan staf Teknikal mengikuti Latihan Operasi dan Penyelenggaraan Alatan Scanning Electron Microscope di Jepun
- » **23&26 April**
Prof. Madya Dr. Zuraidah Mohd. Zain dijemput sebagai penceramah oleh Asian Institute of Technology, Bangkok bagi tajuk 'Quality Management in Education: Malaysia Experience and Quality Management in Education and Training'
- » **30 Jun -2 Julai**
Membuat tindakan susulan berhubung Kerjasama KUKUM dengan Asian Institute of Technology, Bangkok diketuai oleh Dekan Pengurusan Akademik.
- » **1-2 Julai**
Prof. Madya Dr. Zuraidah Mohd. Zain dijemput sebagai penceramah oleh Asian Institute of Technology, Bangkok bagi tajuk 'Improving Student Performance Using Quality Tools'
- » **24-26 Ogos**
Seramai 3 orang staf dari PPK. Mikroelektronik yang terdiri daripada pensyarah, PLV dan staf Teknikal mengikuti Kursus Teori dan 'Software' bagi Peralatan 'Electron Beam Lithography' di Syarikat 'Raith GmbH, Dorthmund, Jerman

TRIPS TO OVERSEAS IN 2004

- » **January 20th-26th**
Malaysian Education Promotion Seminar in Dubai, UAE and Muscat, Oman.
- » **January 28th-30th**
A paperwork presentation titled 'Artificial Life and Robotics '(AROB 2004) by Associate Professor Dr. Mohd. Rizon Muhammad Juhari in Oita, Japan.
- » **February 19th-21st**
A working visit by Mr. Khairul Nizar Ismail to Regional Research Laboratory & Indian Institute of Mineral Engineers, Bhubaneswar, India.
- » **March 10th-11th**
Associate Professor Dr. Zuraidah Mohd. Zain was invited as a speaker by the Asian Institute of Technology, Bangkok on the topics "Quality Management in Education and Quality Management Tools and Techniques" and "Improving Student Performance Using Quality Tools"
- » **March 29th-April 3rd**
A trip to five universities in Sumatera, Indonesia: Technique Faculty, North Islamic University Sumatera, Medan, University Andalas Technique Faculty, University Sriwijaya Technique Faculty, Palembang and University Riau Technique Faculty, Pekan Baru.
- » **April 17th-23rd**
Mr. Khairul Nizar Ismail, Chairman of the School of Material Engineering Planning, attended the "Training Course of Scanning Electron Microscope" by JEOL LTD in Tokyo, Japan.
- » **April 17th-24th**
Three staff from the School of Microelectronic Engineering comprised of the lecturer, Vocational Training Officer (VTO) and Technical staff attended the Operational and Maintenance Programme Training of the Scanning Electron Microscope equipment in Japan.
- » **April 23rd&26th**
Associate Professor Dr. Zuraidah Mohd. Zain was invited as a speaker by the Asian Institute of Technology, Bangkok on the topic "Quality Management in Education: Malaysia Experience and Quality Management in Education and Training"
- » **June 30th - July 2nd**
A follow up visit pertaining to the KUKUM's Collaboration with Asian Institute of Technology, Bangkok led by Dean of Chancellery Academic Affairs.
- » **July 1st-2nd**
Associate Professor Dr. Zuraidah Mohd. Zain was invited as a speaker by the Asian Institute of Technology, Bangkok on the topic "Improving Student Performance Using Quality Tools"
- » **August 24th-26th**
Three staff from the School of Microelectronic Engineering comprised of a Lecturer, PLV and Technical staff attended the Theory and Software Training for the Electron Beam Lithography equipment at 'Raith GmbH Company in Dorthmund, Jerman.

HAL EHWAL AKADEMIK - PENGANTARABANGSAAN

- » **25-27 Ogos**
Pembentangan kertas kerja oleh Prof. Madya Dr. Mohd. Rizon Muhammad Juhari di ersidangan International Conference On Control, Automotion and System ICCAS 2004 di Bangkok, Thailand
- » **25-28 Ogos**
Encik Mohd. Mizan Mohammad Aslam, pensyarah PKKK membentang kertas kerja "Should Western Institution and Scholar Conduct Research On The Future of Malay Civilazition" di Leiden Universiti, Belanda.
- » **8-23 September**
Rombongan Lawatan ke Universiti-universiti di Korea dan Pertandingan Akhir ROBOCON 2004 diketuai oleh Yg. Bhg. Dato' Rektor, Seoul, Korea Selatan
- » **14-23 September**
Lawatan kerja oleh Prof. Madya Dr. Shamsul Baharin ke Institute Technology Royal, Melbourne, Swinburn University, University Technology of Sydney, University of New South Wales dan Wollongong University, Australian.
- » **15-23 September**
Timbalan Rektor Akademik, Prof. Madya Dr. Ali Yeon Md. Shakaff bersama Dekan PPK, Mikroelektronik dan Dekan PPK Bahan telah mengadakan lawatan ke RMIT University, The University of New South Wales, Swinburne University of Technology, University of Wollongong dan University of Technology Sydney, Australia.
- » **20 November-4 Disember**
Dr. Lawrence Chang Hooi Tuang, pensyarah PKKK membentang kertas kerja di Persidangan Antarabangsa "First-Order Partial Derivative Estimation at 3- Dimensional Scattered Data Points" di Bahrain dan Egypt, Mesir.
- » **22-25 November**
Lawatan pembinaan kerjasama IMT-GT (KUKUM) dengan universiti-universiti di Indonesia. Objektif lawatan ialah untuk melatih dan menyediakan satu pasukan dari kalangan pimpinan pelajar KUKUM untuk menjadi perantara pihak pengurusan KKUKUM dengan pelajar KUKUM secara terbuka dan lebih konstruktif. Lawatan diketuai oleh Yg Bhg. Dato' Rektor turut sama diiringi oleh beberapa orang pegawai dan wakil Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).
- » **25-26 November**
Prof. Madya Dr. Zuraidah Mohd. Zain dijemput sebagai penceramah oleh Asian Institute of Technology, Bangkok bagi tajuk 'Quality Management in Education and Quality Management Tools and Techniques' dan 'Improving Student Performance Using Quality Tools'
- » **25-27 November**
Lawatan ke Universiti-universiti di Medan, Indonesia Universiti Sumatera Utara (USU) dan Universiti Islam Sumatera Utara (UISU), Medan, Indonesia diketuai oleh Yg. Bhg. Tuan Rektor KUKUM

PENASIHAT AKADEMIK

